

Headline	1,000 pelajar sertai Bengkel Mini KLESF		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	21	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	Ravale Savarinathan	AdValue	RM 9,928
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,783



1,000 pelajar sertai Bengkel Mini KLESF

» *Teluk Intan daerah pertama jadi tuan rumah*

Oleh Ravale Savarinathan

bhnews@bh.com.my

► **Teluk Intan**

Daerah Teluk Intan menjadi daerah pertama di negara ini yang menjadi tuan rumah kepada Bengkel Mini Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF Mobile Workshop) Dalam Pendidikan STEM.

Seramai 1,000 pelajar daripada 16 sekolah di seluruh daerah Hilir Perak menyertai bengkel berkenaan yang membabitkan 40 bengkel pelbagai acara Stem yang diadakan di Sekolah Menengah Seri Perak, di sini, kelmarin.

Bengkel dua hari anjuran bersama Malaysian Industri-Government Group for Might Technology (MIGHT) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Petrosains, Innopeak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mah Siew Keong yang juga Ahli Parlimen Teluk Intan.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif MIGHT, Datuk Dr Mohd Yusuff Sulaiman dan Pengerusi KLESF, Datuk Hong Lee Pee yang juga Presiden Asean Academy of Engineering and Technology (AAET).

Siew Keong menyambut baik penganjuran program itu dan menganggapnya sebagai pelaburan yang amat bermakna untuk penduduk tempatan terutama apabila ia diadakan di kawasan luar dari ibu kota.

“Bengkel mini ini adalah kesinambungan daripada inisiatif di bawah KLESF: The Fair, salah satu program di bawah cabang pendidikan STEM di dalam prog-

ram Science To Action (S2A).

“S2A dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, untuk mengarusperdanakan sains dan teknologi di Malaysia.

Naik taraf penguasaan sains, teknologi

“Bengkel Mini KLESF ini adalah salah satu usaha perkongsian kerajaan dan swasta membabitkan Kerajaan Persekutuan dan negeri serta pihak industri dan akademik bagi menaik taraf penguasaan sains dan memperkasakan sains dan teknologi di negara kita terutama di kalangan pelajar luar

bandar,” katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian.

Katanya, bengkel itu mampu merapatkan jurang perbezaan antara pengajian sains dan sastera yang mana sains hanya dipelajari oleh 20 peratus pelajar manakala sastera adalah 80 peratus.

“Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan mahu nisbah itu berada pada tahap 60 peratus sains dan 40 peratus sastera. Oleh sebab itulah program sebegini rancak dijalankan bagi menarik minat pelajar untuk menyertai subjek sains ini,” katanya.

Sementara itu, Lee Pee berkata, STEM perlu diperluas melangkaui sekolah.

“Kita tidak seharusnya mengharapkan kerajaan semata-mata dalam usaha transformasi ini.

“Pembabitkan ibu bapa, pihak swasta dan komuniti amat perlu untuk menyokong ekosistem pengajaran dan pembelajaran STEM dan inilah yang membangkitkan keinginan kami untuk penganjuran bengkel mini ini,” katanya.

Headline	1,000 pelajar sertai Bengkel Mini KLESF		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Apr 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	21	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	288 cm ²
Journalist	Ravale Savarinathan	AdValue	RM 9,928
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,783



Siew Keong melihat hasil inovasi pelajar pada Bengkel Mini KLESF di Teluk Intan, kelmarin. [FOTO S RAVALE/BH]